

BAB 5

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang penggunaan Internet di kalangan guru sekolah menengah kerajaan dan swasta. Kajian ini meliputi dua buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Taman Dato' Harun (SMKTDH) dan Sekolah Sri Bestari (SSB). Perbincangan meliputi kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru, kaedah yang digunakan dengan bantuan Internet, alat bantu mengajar (ABM) yang disukai, tujuan penggunaan Internet, faktor yang menghalang penggunaan Internet, pengetahuan terhadap perkakasan dan perisian, kesediaan penggunaan Internet dan perbezaan penggunaan Internet antara sekolah kerajaan dengan swasta.

Perbincangan

Responden SMKTDH dan SSB menggunakan pelbagai kaedah dalam pengajaran. Antara kaedah yang disukai mengikut urutan ialah perbincangan, inkuiri, demonstrasi, penyelesaian masalah, syarahan, sumbangsaran, simulasi, permainan, projek dan koperatif. Sebanyak 62% responden daripada kedua-dua buah sekolah menggunakan kaedah perbincangan dalam prsoes pengajaran dan pembelajaran. Sebanyak 43% responden pula menggunakan kaedah projek dengan bantuan Internet.

Terdapat pelbagai ABM yang digunakan oleh guru dalam pengajaran mereka, antaranya buku teks, carta, radio, TV, video, transparensi, peta, gambar, surat khabar,

majalah, buku rujukan, Internet dan CD Rom. ABM yang kerap digunakan oleh responden dari kedua-dua buah sekolah ialah buku rujukan (48.6%) dan buku teks (44.5%).

Memandangkan buku rujukan dan buku teks mudah didapati dan berteraskan kepada peperiksaan maka guru suka menggunakan ABM tersebut. Data kajian menunjukkan responden SMKTDH kurang menggunakan Internet sebagai ABM kerana kemudahan tersebut tidak disediakan oleh pihak sekolah. Sebanyak 23.4% responden SSB yang menggunakan Internet sebagai ABM dalam pengajaran dan pembelajaran memandangkan sekolah tersebut ada menyediakan kemudahan tersebut.

Data kajian menunjukkan sebanyak 61.3% guru dari kedua-dua buah sekolah menggunakan Internet. Ini menunjukkan satu tanda yang positif ke arah pengenalan inovasi baru di kalangan guru.

Kajian ini menunjukkan majoriti guru hanya menggunakan Internet kurang daripada 2 jam dalam seminggu. Sebanyak 71.1% guru menggunakan Internet kurang daripada 2 jam, 25.6% 2 hingga 4 jam dan 19.7% lebih daripada 4 jam. Kebanyakan guru suka menggunakan Internet di rumah berbanding dengan tempat lain. Sebanyak 30.6% guru menggunakan Internet di rumah, 19.3% di sekolah dan 17.7% di tempat lain. Kajian yang dilakukan oleh Gallo dan Horlon (1994: 29) di kalangan guru sekolah tinggi mendapati bahawa, guru menggunakan Internet sebelum sekolah dan selepas sekolah dan purata penggunaan Internet di kalangan guru adalah 2 jam setiap hari. Sementara kajian yang dijalankan oleh Anderson dan Harris (1997: 19) di kalangan responden yang terlibat dalam bidang pendidikan mendapati 65% responden menggunakan Internet kurang daripada 3 jam dalam 2 minggu.

Guru banyak menggunakan Internet di rumah kerana SMKTDH tidak menyediakan kemudahan Internet di sekolah maka guru lebih cenderung menggunakan Internet di rumah.

Anderson dan Harris (1997: 37) berpendapat sambungan Internet di rumah lebih selesa digunakan berbanding dengan tempat lain kerana tiada masalah masa. Selain daripada itu, sambungan Internet di sekolah tidak mencukupi dan dengan itu guru terpaksa menunggu giliran mereka.

Data kajian menunjukkan 33.8% guru menggunakan Internet kurang daripada 2 kali dalam seminggu, sementara 16.1% guru menggunakan 3 hingga 4 kali dan 16.1% lebih daripada 5 kali. Dapatan kajian Anderson dan Harris (1997: 37) menunjukkan responden menggunakan Internet 4 hingga 6 kali dalam seminggu. Responden menggunakan Internet lebih daripada 4 kali disebabkan kesemua responden mempunyai sambungan Internet di sekolah dan di rumah.

Responden menggunakan Internet untuk pelbagai tujuan. Sebanyak 81.1% guru dari kedua-dua sekolah menggunakan untuk tujuan sendiri, sementara 58.1% untuk tujuan E-mail, 45.9% untuk tujuan pengajaran, 42.4% untuk mendapatkan maklumat untuk membuat nota, 32.5% untuk menonton filem, 25.8% untuk menghasilkan web, 19.2% untuk mendengar lagu dan 15.8% untuk *chatting*. Ini bermakna responden banyak menggunakan Internet untuk tujuan sendiri, E-mail dan pengajaran. Kajian yang dijalankan oleh Gallo dan Horlon (1994: 29), mendapati guru lebih banyak menggunakan aplikasi E-mail daripada aplikasi Internet yang lain. Dapatan kajian Anderson dan Harris (1997: 19) juga menunjukkan 77% responden menggunakan E-mail dan 54% untuk mendapat maklumat.

Terdapat beberapa faktor yang menghalang guru daripada menggunakan Internet. Antaranya adalah seperti kesuntukan masa, tidak ada sambungan Internet di sekolah, tidak diberi insentif /penghargaan atas usaha yang dilakukan, terlalu banyak peraturan terpaksa diikuti sekiranya hendak menggunakan, tidak ada komputer yang mencukupi di sekolah,

tidak diberi latihan /kursus, tidak mendapat galakan daripada pihak pentadbir sekolah dan tidak mendapat sokongan daripada rakan sekerja.

Data menunjukkan sebanyak 79% guru berpendapat faktor yang menghalang guru daripada menggunakan Internet ialah kesuntukan masa. Dapatan kajian ini boleh disamakan dengan kajian Gallo dan Horlon (1994: 26) di mana responden kajian mereka berpendapat, masa merupakan faktor penghalang utama. Guru kesuntukan masa kerana mereka terpaksa menghabiskan sukanan pelajaran, terlibat dalam aktiviti ko-kurikulum dan komitmen perbadai.

Semua responden SMKTDH bersetuju ketiadaan Internet di sekolah menjadi faktor penghalang kepada penggunaan Internet, akan tetapi responden SSB tidak berpendapat sedemikian kerana sekolah mereka dilengkapi dengan kemudahan Internet. Ini menunjukkan bahawa jika sekolah ada menyediakan kemudahan Internet guru bermotivasi untuk menggunakan Internet.

Sebanyak 53% responden berpendapat bahawa ketiadaan insentif/panghargaan atas usaha yang dijalankan adalah penghalang utama. Insentif/panghargaan seperti kenikan gaji, kenaikan pangkat dan *time off* perlulah diberi supaya guru bermotivasi menggunakan Internet (Sherwood, 1993: 172). Di Amerika Syarikat, kerajaannya memberi insentif kepada 31% guru untuk menggalakkan mereka menggunakan Internet (1999: <http://nces.ed.gov/edstats/>).

Selain itu, sebanyak 38.7% responden berpendapat bahawa faktor kekurangan latihan/kursus juga menjadi penghalang kepada mereka. Responden SMKTDH tidak mendapat apa-apa kursus berkaitan dengan Internet jika dibandingkan dengan responden SSB. Alex (1999), bersetuju faktor kekurangan latihan /kursus di kalangan guru merupakan satu halangan besar kepada mereka (<http://k12science.stevens-tech.edu/renie/article3.html>).

Sherwood (1992: 175) berpendapat, guru menghadapi halangan semasa menggunakan teknologi dalam pengajaran kerana guru tidak mendapat latihan yang mencukupi semasa menjalankan latihan perguruan dan kursus dalam perkhidmatan.

Sebanyak 32% responden berpendapat bahawa, faktor penghalang penggunaan Internet ialah tidak mendapat galakan daripada pihak pentadbir sekolah. Sherwood (1993: 172) dalam kajian yang dijalankan di kalangan 362 guru mendapati bahawa, kekurangan galakan daripada pihak pentadbir merupakan faktor utama yang menjadi penghalang kepada guru. Pihak pentadbir dengan bantuan masyarakat boleh menyediakan bilik komputer, laluan Internet dan pembayaran bil pengaksesan Internet.

Keseluruhannya tahap pengetahuan guru terhadap perkakasan Internet, perisian Internet dan pengetahuan tentang penggunaan Internet di kalangan guru adalah sangat lemah. Walaupun tahap pengetahuan terhadap perkakasan, perisian dan penggunaan adalah lemah tetapi kesediaan guru iaitu sikap dan dorongan terhadap Internet adalah positif iaitu min keseluruhan ialah $\bar{X} = 4.09$.

Sebagai kesimpulan, dari segi tahap penggunaan Internet, terdapat perbezaan signifikan pengalaman penggunaan Internet, tempoh penggunaan Internet di sekolah dan di tempat lain dan kekerapan penggunaan Internet di sekolah dan di tempat lain antara responden SMKTDH dan SSB. Bagi item-item seperti tempoh penggunaan Internet di rumah dan kekerapan penggunaan Internet di rumah tidak mempunyai perbezaan signifikan antara responden SMKTDH dan SSB. Ini menunjukkan terdapat perbezaan penggunaan Internet antara guru sekolah menengah kerajaan dan swasta.

KESIMPULAN

Berikut merupakan kesimpulan-kesimpulan yang dibuat berdasarkan kepada kajian yang dilakukan:

Kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru kedua-dua sekolah ialah perbincangan.

Alat Bantu Mengajar (ABM) yang digunakan oleh guru dari kedua sekolah ialah buku teks dan buku rujukan.

Terdapat penggunaan Internet di kalangan guru.

Guru menggunakan Internet kurang daripada 2 jam dalam seminggu.

Guru SMKTDH menggunakan Internet kurang daripada 2 jam dalam seminggu dan guru SSB menggunakan lebih daripada 2 jam dalam seminggu.

Guru menggunakan Internet untuk tujuan sendiriapabila mereka berpeluang Menggunakannya.

Tahap pengetahuan guru terhadap perkakasan Internet adalah lemah.

Tahap pengetahuan guru terhadap perisian Internet adalah sangat lemah.

Tahap penggunaan Internet di kalangan guru adalah sangat lemah.

Kesediaan guru terhadap penggunaan Internet adalah positif.

Faktor-faktor yang menghalang guru daripada menggunakan Internet adalah seperti kesuntukan masa, tidak ada sambungan Internet di sekolah, tidak diberi insentif /penghargaan atas usaha yang dilakukan, terlalu banyak peraturan terpaksa diikuti sekiranya hendak menggunakaninya, tidak ada komputer yang mencukupi di sekolah, tidak diberi latihan /kursus, tidak mendapat galakan daripada pihak pentadbir sekolah dan tidak mendapat sokongan daripada rakan sekerja.

Terdapat perbezaan penggunaan Internet oleh guru sekolah menengah kerajaan dengan swasta.

Implikasi

Keputusan kajian ini memberi maklumat yang bernilai kepada Kementerian Pendidikan, sekolah dan guru.

Implikasi kepada kementerian pendidikan

Pada peringkat permulaan Kementerian Pendidikan telah dan sedang memberi kursus Internet kepada guru Sekolah Bestari. Sebanyak 5400 guru telah diberi latihan oleh Kementerian Pendidikan (The Star, Jun13, 1997) .Bilangan guru yang menghadiri kursus ini tidaklah mencukupi memandangkan wawasan Kementerian Pendidikan menjelang tahun 2010 semua sekolah di Malaysia akan menjadi Sekolah Bestari (Harun, 1998: 7). Sekiranya kerajaan menyediakan infrastruktur yang lengkap seperti perkakasan komputer dan sistem rangkaian, dan tidak memberi latihan yang cukup kepada guru sudah tentu matlamat kerajaan tidak akan berjaya. Sekiranya kemudahan Internet ingin diekspolitisikan sepenuhnya dalam memperkayakan lagi sumber-sumber pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah, sudah sewajarnya pihak kerajaan memberikan latihan yang mencukupi kepada golongan guru. Kementerian Pendidikan haruslah berusaha menawarkan kursus Internet yang bersesuaian dengan keperluan alam persekolahan. Adalah dicadangkan kursus yang ditawarkan hendaklah bertumpu kepada kursus yang ada kaitan dengan penggunaan Internet dalam pengajaran dan pembelajaran seperti mereka bentuk laman web, mel-elektronik, tele sidang audio dan video dan lain-lain yang berkaitan.

Implikasi kepada pihak pentadbir sekolah

Guru sekolah menengah menunjukkan sikap yang positif terhadap penggunaan Internet. Ini bermaksud guru bersedia mengintegrasikan Internet dalam pengajaran dan pembelajaran. Memandangkan guru sekolah menengah bermotivasi menggunakan Internet dalam proses pengajaran dan pembelajaran, maka pihak pentadbir sekolah haruslah berusaha untuk menyediakan sambungan Internet dan komputer yang mencukupi. Selain itu, pihak pentadbir juga perlu mengelolakan latihan dalam perkhidmatan demi meningkatkan pengetahuan Internet guru-gurunya. Galakan juga perlu diberi kepada guru-guru supaya menggunakan Internet dalam urusan kerja harian dan seboleh-bolehnya menggunakan Internet dalam pengajaran dan pembelajaran.

Implikasi kepada guru sekolah

Majoriti responden menunjukkan minat yang positif terhadap penggunaan Internet dan mereka menyedari Internet akan menjadi satu elemen penting dalam pendidikan pada masa depan. Untuk merealisasikan aspirasi tersebut guru perlulah memperlengkapkan diri dengan beberapa kemahiran baru. Kemahiran baru ini boleh diperolehi dengan menyertai kursus dalam perkhidmatan yang dikendalikan oleh pihak sekolah, Kementerian Pendidikan atau pihak lain. Guru juga perlulah lebih proaktif terhadap pembacaan yang luas dalam bidang Internet dan menyertai kursus Internet yang dikendalikan oleh pihak swasta.

Cadangan

Penyelidik mencadangkan beberapa kajian lanjutan yang perlu dijalankan demi kebaikan semua pihak. Disebabkan kekangan masa dan tenaga, kajian ini hanya dijalankan di

2 buah sekolah sahaja. Keputusan kajian ini tidak akan mencerminkan senario penggunaan Internet di kalangan guru di Malaysia. Internet merupakan satu inovasi baru dalam pendidikan Malaysia dan untuk menjayakan program Internet dalam pendidikan satu kajian yang komprehensif perlulah dijalankan. Kajian di peringkat kebangsaan tentang penggunaan Internet di sekolah rendah dan menengah perlulah dijalankan supaya dapat mengetahui satu senario yang menyeluruh tentang penggunaan Internet di kalangan guru. Selain itu, satu kajian perbandingan juga boleh dijalankan antara kawasan bandar dengan luar bandar.